



Anwar mengengerusikan Sidang Kemuncak RCEP ke-5 sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dan Sidang Kemuncak Berkaitan di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

# Negara anggota perlu bekerjasama pacu hala tuju

**Kuala Lumpur:** ASEAN perlu memanfaatkan kerjasama Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) untuk memacu hala tuju masa depan dalam menjamin keamanan berkekalan serta kemakmuran yang berterusan di rantau Asia Pasifik.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi ASEAN, Datuk Seri

Anwar Ibrahim, berkata sejak kemuncak pandemik COVID-19 berakhir, yang menyaksikan perdagangan dan pelaburan dipulihkan, RCEP sekali lagi memasuki detik amat penting.

"Kepentingan mesyuarat ini kini semakin jelas. Marilah kita mengambil peluang ini untuk mengadakan dialog terbuka dan memandang ke hadapan.

"Dengan bekerjasama, kita yakin dapat memastikan keamanan yang berkekalan serta kemakmuran yang berterusan di rantau Asia Pasifik," katanya dalam ucapan pembukaan pada Sidang Kemuncak RCEP ke-5 sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 di sini, semalam.

Anwar berkata, kejayaan RCEP menempuh pelbagai cabaran

pandemik sebelum ini, membuktikan ketabahan semua negara anggotanya untuk bersama serta semangat kerjasama yang menjadi asas kepada kemakmuran bersama.

RCEP dibarisi bersama negara anggota ASEAN dan China, Jepun, Korea Selatan, Australia serta New Zealand.

Hong Kong, Sri Lanka, Chile

dan Bangladesh dilaporkan sudah menyatakan minat untuk menyertai RCEP.

Negara anggota RCEP sebelum ini turut menyatakan keterbukaannya kepada usaha mengembangkan pakatan itu, yang merangkumi kira-kira 30 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), perdagangan dan penduduk dunia.